PEMULIHAN 2 : SINTAKSIS

Disediakan oleh Cikgu Rozita

Berdasarkan petikan di bawah, tukarkan **ayat bersusunan biasa** *kepada* **ayat bersusunan songsang** *yang lengkap bagi ayat-ayat di bawah.*

Contoh Soalan 1

Rancangan kartun /merupakan filem animasi yang digemari oleh kanak-kanak /sejak dahulu lagi.

	1 (SUBJEK)	2 (PREDIKAT)	3 (KETERANGAN)
AYAT BIASA	*Rancangan kartun*	*merupakan filem animasi yang digemari oleh kanak-kanak*	*sejak dahulu lagi.*
AYAT SONGSANG 3 3-1-2	*sejak dahulu lagi*	*Rancangan kartun*	*merupakan filem animasi yang digemari oleh kanak-kanak*

Jawapan

Sejak dahulu lagi rancangan kartun merupakan filem animasi yang digemari oleh kanak-kanak.

Praktis SPM

AYAT BIASA	*Wayang kulit merupakan satu bentuk animasi awal yang terdapat di Malaysia.*
AYAT SONGSANG	

AYAT BIASA	*Gerakan watak wayang kulit dikawal oleh pemainnya yang digelar dalang*
AYAT SONGSANG	

AYAT BIASA	*Juruanimasi perlu mempunyai kemahiran yang tinggi untuk mereka bentuk, melukis dan mewarnakan karakter secara manual*
AYAT SONGSANG	

AYAT BIASA	*Karakter yang membantu penceritaan dilukis di atas kulit lembu*
AYAT SONGSANG	

AYAT BIASA	*Karakter ini dipotong menggunakan teknik animasi guntingan*
AYAT SONGSANG	

AYAT BIASA	*Filem animasi pendek Malaysia yang pertama ialah Hikayat Sang Kancil*
AYAT SONGSANG	

AYAT BIASA	*Pasukan juruanimasi mengambil masa selama enam belas tahun untuk menyiapkan animasi ini yang berdurasi tiga belas minit*
AYAT SONGSANG	

AYAT BIASA	*Juruanimasi melukis karakter dengan banyak di atas kertas secara lukisan tangan*
AYAT SONGSANG	

AYAT BIASA	*Lukisan yang banyak ini dirakamkan dengan menggunakan kamera animasi untuk dijadikan seluloid atau kepingan filem*
AYAT SONGSANG	

LIVEWORKSHEETS

AYAT BIASA	*Karakter animisme boleh dilukis dengan sempurnanya walaupun juruanimasi tiada kemahiran melukis*
AYAT SONGSANG	

LIVEWORKSHEETS